

02 JUN 2003

G8-MAHATHIR/I

MAHATHIR BERTEMU PRESIDEN CHINA SEBELUM KE JEPUN

Oleh: Yong Soo Heong

LAUSANNE, 2 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengadakan perjumpaan tertutup dengan Presiden China Hu Jintao serta dua orang pemimpin negara membangun lain di luar acara Sidang Kemuncak G8 di Evian.

Yang turut hadir ialah Presiden Brazil Luiz Inacio Lula da Silva dan Presiden Algeria Abdelaziz Bouteflika yang seperti Dr Mahathir, telah datang untuk menghadiri Sidang Kemuncak G8 yang diperbesarkan itu.

Selepas pertemuan itu, Dr Mahathir berlepas melalui jalan raya ke Geneva untuk menaiki pesawat ke Frankfurt sebelum berlepas ke Jepun untuk melakukan lawatan rasmi.

Dr Mahathir tiba di sini pada hari Sabtu dengan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali bagi menghadiri Sidang Kemuncak G8 itu.

Ketika berada di sini, perdana menteri turut mengadakan perbincangan bilateral dengan Presiden Afrika Selatan Thabo Mbeki, Presiden Perancis Jacques Chirac dan Presiden Russia Vladimir Putin. -- BERNAMA

SHY FR AHM